

Duta AS: Keadaan seperti biasa dalam hubungan ekonomi Amerika-Asia

MESKIPUN ada kebimbangan bahawa dasar pengasingan bakal presiden Amerika Syarikat, Encik Donald Trump, dan janjinya mahu mengeluarkan Amerika daripada Kerjasama Rentas Pasifik (TPP) akan menjejaskan hubungan ekonomi antara Amerika dengan Asia, Duta Besar Amerika ke Singapura yang bakal berundur, Encik Kirk Wagar, berkata bahawa “keadaan seperti biasa” bagi Singapura dan Asean.

“Konsep bahawa perjanjian perdagangan adalah segala-galanya untuk hubungan ekonomi kita adalah tidak munasabah,” ujarnya.

Encik Wagar berkata bahawa sistem politik Amerika, pelaburan jangka panjang urusan niaga Amerika di Singapura dan perkembangan kelas pertengahan di Asia adalah antara sebab mengapa Pentadbiran Trump tidak akan menutup pintu peluang perniagaan.

“Tidak seperti kebanyakan negara, pemerintah pusat kami tidak mengemudi negara kami,” kata Encik Wagar.

“Saya cukup yakin Tim Cook atau Bill Gates tidak pernah meminta Barack Obama atau meminta Donald Trump di mana mereka akan melabur, di mana



ENCIK KIRK WAGAR: Bakal berundur sebagai Duta Besar Amerika ke Singapura. – Foto THE STRAITS TIMES

mereka mahu berkembang, di mana mereka akan terlibat – dan itulah kami sebagai sebuah negara.

“Saya tidak fikir politik kami sama relevan dengan kepentingan teras negara kami – terlibat di Asia,” tambahnya.

“Kami telah bertahan walaupun de-

ngan (dasar pentadbiran) Washington, bukan kerananya,” tambahnya.

Encik Wagar turut menyifatkan sistem politik Amerika sebagai “lembap dan menjerihkan”, merujuk kepada pelbagai langkah pemeriksaan dan imbalan antara Presiden dengan Kongres.

“Terdapat banyak perkara yang kami (pentadbiran Obama) tidak mampu peroleh ekoran sistem kami,” katanya.

Amerika kini merupakan pelabur asing terbesar di Singapura, dengan pelaburan mencecah AS\$288 bilion (\$417.2 bilion) pada 2015, menurut Jabatan Negara Amerika Syarikat.

Menurut Encik Wagar, yang berkata demikian dalam forum anjuran Pejabat Perhubungan Alumni, Universiti Nasional Singapura (NUS), terdapat 3,700 syarikat Amerika yang berpangkalan di Singapura dan reputasi negara ini yang “telus dan ditadbir baik” “membolehkan semua negara melibatkan diri di rantau ini”.

Encik Wagar juga menarik perhatian tentang taraf hidup yang kian mewah di Asia. Kini terdapat seramai 525 juta orang kelas pertengahan di Asia dan menjelang 2030, jumlah itu akan meningkat

kepada 3.2 bilion – satu sebab bagi syarikat Amerika mahu kekal di Asia.

“Sebagai contoh, penumpang Asia dijangka merangkumi sepertiga daripada trafik penumpang global pada tahun-tahun mendatang.

“Pesawat gergasi Airbus dan Boeing meramalkan bahawa hampir 40 peratus daripada pembelian pesawat baru dengan nilai AS\$2 trilion dalam tempoh 20 tahun akan datang akan dikuasai Asia.

“Terdapat lebih banyak pesawat dan peralatan yang akan dijual di Asia dalam tempoh 10 tahun akan datang daripada di bahagian dunia lain jika digabungkan,” ujar Encik Wagar kepada 350 anggota alumni NUS, kakitangan, pelajar dan tetamu dalam acara itu.

“Di manakah kami akan berada? Di mana Boeing akan berada? Di mana General Electric akan berada?”

Atas sebab itu (konsep) “Asia sebagai tunjang” bagi Presiden Obama mungkin berterusan, ujar Encik Wagar, yang menyifatkan 2016 sebagai “Tahun Asean” bagi Washington.

Beliau menambah bahawa Presiden Obama telah menghadiri tujuh daripada lapan sidang puncak Asia Timur.